Ketua Jabatan Komunikasi Korporat AKPK, Rohanizam Talib berkata, mereka adalah sebahagian daripada 1.3 juta individu atau isi rumah yang telah menerima khidmat nasihat secara percuma sejak penubuhan AKPK oleh Bank Negara Malaysia (BNM) pada April 2006.

Beliau turut menyatakan bahawa mereka juga termasuk dalam kalangan 500,000 individu atau isi rumah yang memohon bantuan untuk menstruktur semula bayaran balik pinjaman atau pembiayaan menerusi PPK.

"Golongan terbesar yang mendapatkan bantuan penstruktur semula pinjaman melalui Program PPK AKPK terdiri daripada mereka berusia 31 hingga 40 tahun iaitu 42.4 peratus.

"Ini diikuti oleh individu berusia 41 hingga 50 tahun (28.3 peratus), golongan



Seorang kakitangan AKPK sedang melayan seorang pelanggan yang datang ke kaunter khidmat nasihat di pejabatnya di Kuala Lumpur baru-baru ini.

LAPORAN KHAS

muda berusia 21 hingga 30 tahun (13 peratus), mereka berusia 51 hingga 60 tahun (12.6 peratus), dan warga emas berusia 61 tahun ke atas (3.7 peratus)," katanya dalam satu temu bual bersama *Sinar Premium* baru-baru ini.

Tambahnya, antara sebab utama penyertaan dalam PPK adalah kerana masalah gagal melunaskan pinjaman kad kredit (53.8 peratus), termasuk skim Easy Payment Plan (EPP) atau Beli Dulu Bayar Kemudian, pinjaman peribadi (32.8 peratus), pinjaman perumahan (4.9 peratus), pembiayaan kenderaan (4.5 peratus) dan lain-lain jenis pembiayaan (4.0 peratus).

Menurut Rohanizam, faktor utama individu terjebak dalam masalah hutang



ROHANIZAM

tertunggak ialah peningkatan kos sara hidup (42.1 peratus), terutamanya mereka yang tinggal di bandar-bandar besar seperti Kuala Lumpur, Johor Bahru dan Pulau Pinang.

"Faktor kedua adalah kelemahan perancangan kewangan (33.9 peratus), khususnya dalam kalangan mereka berusia 20-an dan 30-an yang cenderung berbelanja melebihi pendapatan bulanan untuk mengikuti gaya hidup terkini seperti fesyen, pembelian kenderaan mewah dan pembelian telefon bimbit.

"Sebagai contoh terdapat kes di mana individu hanya berpendapatan sekitar RM2,000 sebulan, tetapi membeli kereta dengan bayaran bulanan hampir RM1,000 atau separuh daripada gajinya.

"Individu ini mungkin beranggapan

PECAHAN INDIVIDU MENYERTA PROGRAM PPK MENGIKUT UMUR:

20-29 tahun	13 %
30-40 tahun	42.4 %
41-50 tahun	28.3 %
51-60 tahun	12.6 %
61 tahun ke atas atau warga emas	3.7 %

PENYEBAB TUNGGAKAN HUTANG:

KEMUDAHAN KREDIT

Kad Kredit	53.8%
Pinjaman Peribadi	32.8%
Hutang Rumah	4.9%
Sewa Beli	4.5%
Lain-lain	4.0%

PENYEBAB TIDAK BOLEH MEMBAYAR HUTANG

Peningkatan kos sara hidup	42.1%
Kelemahan Pengurusan Kewangan	33.9%
Kegagalan/Pembiayaan merudum	10.2%
Hilang pekerjaan/Hilang ketua keluarga	8.3%
Kos Perubatan Tinggi	4.4%
Lain-lain	1.1%

* Sumber: Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK)

bahawa baki 50 peratus gajinya mencukupi untuk kelangsungan hidup harian, tetapi hakikatnya mereka akan menghadapi masalah kewangan, terutamanya jika sudah berkeluarga dan tiada sumber pendapatan tambahan," katanya.

Faktor lain yang menyumbang kepada masalah hutang termasuk kegagalan atau kelembapan perniagaan (10.2 peratus), kehilangan pendapatan dan pekerjaan (8.3 peratus), kos perubatan tinggi (4.4 peratus) dan faktor lain (satu peratus).

Oleh itu, Rohanizam menegaskan bahawa AKPK membantu peserta PPK atau Debt Management Programme (DMP) dengan memperbetulkan aliran tunai, melalui pelan pembayaran balik yang lebih fleksibel mengikut kemampuan kewangan semasa.

Mereka yang ingin mendapatkan maklumat lanjut mengenai PPK bolehlah melayan sesawang <https://www.akpk.org.my/> atau hubungi talian 03-26167766 atau datang terus ke kaunter AKPK di seluruh negara.

SINAR HARIAN

Tarikh:0.2.OCT.2024.



Rafizi (kiri) dan Eric (kanan) dalam audio siar 'Yang Bakar Menteri' (YBM) episod keenam pada Isnin malam.

Kerajaan masih tanggung perbelanjaan subsidi diesel

KUALA LUMPUR - Kerajaan masih lagi menanggung perbelanjaan pemberian subsidi diesel pada masa ini kepada sektor yang layak, menurut Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli.

Dalam audio siar 'Yang Bakar Menteri' (YBM) episod keenam, beliau berkata, walaupun harga diesel diapungkan, masih terdapat sektor-sektor yang harganya diberikan subsidi kepada golongan tertentu seperti nelayan, pengangkutan awam serta industri logistik.

"Sekarang ini (subsidi diesel) tidak diapungkan 100 peratus, ia hanya melibatkan pengguna persendirian.

"Dan jumlah keseluruhan kepada kerajaan itu masih lagi signifikan kerana kita tidak menghapuskan subsidi, kita menyasarkan sahaja," katanya bagi menjawab soalan Lim Sian See atau nama sebenarnya Datuk Eric See-To mengenai harga runcit diesel yang tidak mengikut harga pasaran semasa.

Kementerian Kewangan sebelum ini menyatakan pelaksanaan penyasaran subsidi diesel melibatkan penetapan harga mengikut harga pasaran.

Pada 10 Jun 2024, kerajaan telah menetapkan harga runcit bahan api diesel pada RM3.35 seliter bermula di stesen-stesen minyak seluruh Semenanjung Malaysia.

Harga runcit bahan api diesel di Sabah, Sarawak dan Labuan

pula kekal pada RM2.15 seliter.

Mengulas lanjut Rafizi berkata, lebih wang daripada perbezaan harga diesel dengan harga semasa digunakan untuk membayar subsidi yang masih lagi diberikan oleh kerajaan kepada golongan sasaran.

"Oleh itu, kalau ada perbezaan dari segi harga mingguan itu, ada masanya akan jadi lebih dan ada masanya kurang, jadi kesan bersih daripada lebih atau kurang harga itu masih lagi menjadi perbelanjaan utama kerajaan dalam bentuk subsidi diesel.

"Sekiranya ada lebihan pada minggu ini ia akan dibawa ke minggu hadapan ataupun wang itu sebenarnya digunakan untuk membayar subsidi yang masih lagi berbilion-bilion ringgit kepada pengangkutan awam dan semua sektor yang telah ditetapkan termasuklah inisiatif Budi Madani," tambahnya.

Budi Madani adalah usaha kerajaan untuk memastikan peruntukan subsidi disasarkan kepada golongan yang layak meliputi bantuan individu (Budi Individu), petani serta pekebun kecil (Budi Agri-Komoditi) serta syarikat dan kenderaan pengangkutan (MySubsidi Diesel).

Pada audio siar itu, Eric yang merupakan individu yang menggunakan nama samaran Lim Sian See dalam laman sosial Facebook bersetuju menjadi tetamu untuk program tersebut.

- Bernama

SINAR HARIAN

Tarikh: 02 OCT 2024

8th
2/10

PERKESO kuat kuasa had siling gaji baharu

SHAH ALAM - Kementerian Sumber Manusia (Kesuma) menerusi agensinya, Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) akan menguatkuasakan siling gaji baharu bagi maksud caruman mulai 1 Oktober 2024.

PERKESO dalam kenyataan berkata, penguatkuasaan itu dilaksanakan susulan pindaan Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 (Akta 4) dan Akta Sistem Insurans Pekerjaan 2017 (Akta 800) yang melibatkan peningkatan had siling gaji bagi maksud caruman daripada RM5,000 kepada RM6,000 sebulan.

Menurutnya, langkah meningkatkan siling gaji tersebut dapat memberi manfaat yang lebih baik kepada pekerja yang berskala gaji melebihi RM5,000 menerusi peningkatan kadar bayaran faedah sedia ada sehingga 20.2 peratus.

"Faedah-faedah tersebut adalah seperti Faedah Hilang Upaya Sementara (FHUS), Faedah Hilang Upaya Kekal (FHUK), Faedah Orang Tanggungan (FOT), Pencen Ilat dan

Penakat di bawah Akta 4 serta Elaun Mencari Pekerjaan (EMP), Elaun Pendapatan Berkurangan (EPB) dan Elaun Bekerja Semula Awal (EBSA) di bawah Akta 800.

"Mulai 1 Oktober, amaun caruman yang akan terpakai bagi pekerja yang bergaji melebihi RM5,000 dan RM6,000 sebulan adalah seperti mana dalam Jadual Ketiga, Akta 4 serta Jadual Kedua, Akta 800," katanya pada Selasa.

Tambah kenyataan itu, bayaran caruman bermula 1 Oktober 2024 dan seterusnya hendaklah dibuat oleh majikan mengikut pindaan had siling gaji baharu.

Ujarnya, majikan diminta untuk mencatatkan jumlah potongan caruman dalam penyata atau slip gaji pekerja masing-masing bagi tujuan rekod dan aktiviti pemeriksaan oleh PERKESO.

"Dianggarkan 1.5 juta pekerja tempatan dan asing atau hampir 15.5 peratus daripada keseluruhan pencarum di seluruh negara terlibat dalam peningkatan siling gaji ini," katanya.

SINAR HARIAN
Tarikh: 02 OCT 2024

Akta 852 dikuat kuasa secara berhemah

PUTRAJAYA - Akta Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2024 (Akta 852) akan dikuat kuasa secara berhemah dan munasabah, kata Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad.

"Saya yakin penguat kuasa KKM (akan) ambil pendekatan berhemah supaya kerelaan dan kesediaan mereka terlibat dalam industri ini memahami kita (kerajaan) lakukan semua ini adalah untuk kebaikan kesihatan generasi muda," katanya pada Selasa.

Tambahnya, terdapat dua aspek dalam pelaksanaan akta itu iaitu serta-merta dan penguatkuasaan pendidikan, agar wujud suasana saling menghormati undang-undang dan hak terutama dalam penjualan produk tembakau rokok elektronik atau vape kepada kanak-kanak bawah umur. - *Bernama*

SINAR HARIAN
02 OCT 2024

Tarikh:

Penjawat awam calon pertama lulus program lesen Kelas B

KAJANG - Seorang kakitangan kerajaan menjadi peserta pertama bagi Program Khas Peralihan Lesen Memandu Malaysia (LMM) Kelas B2/B1 kepada LMM Kelas B.

Afifi Anuar, 30-an, berkata, dia merupakan pemegang lesen Kelas B2 kira-kira 20 tahun.

"Sangat teruja apabila layak sebagai peserta pertama program khas ini."

"Hari ini, saya menjalani latihan dua jam sebelum ambil ujian. Alhamdulillah, hanya sekali dan berjaya lulus walaupun rasa gemuruh kerana selepas beberapa tahun saya ambil semula lesen motosikal," katanya.

Beliau berkata demikian ketika selepas selesai menjalani ujian litar bagi Program Khas Peralihan LMM Kelas B2/B1 kepada LMM Kelas B di Amsa Bangi Driving Academy di sini pada Selasa.

Tambah Afifi, pengalamannya menunggang motosikal dari rumahnya di Klang ke tempat kerja



Aedy Fadly menunjukkan dokumen kelulusan Afifi (kiri) di sebuah institut memandu di Kajang pada Selasa.

di Bangi banyak membantu untuk lulus ujian itu.

Biar pun belum memiliki motosikal berkuasa tinggi, katanya, dia mahu mengambil peluang menyertai program berkenaan memandangkan melepasi syarat kelayakan ditetapkan.

"Sebelum ini saya tiada masa dan peluang untuk mengambil lesen ini. Apabila layak (menyertai program berkenaan), saya terus mendaftar kerana bayaran untuk dapatkan

lesen ini juga murah iaitu RM160.

"Apabila sudah berjaya (lulus ujian), pastinya saya berasa bangga," katanya yang berhasrat membeli motosikal berkuasa tinggi pada tahun depan.

Sementara itu, Ketua Pengarah Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Datuk Aedy Fadly Ramli turut mengucapkan tahniah kepada Afifi.

"Beliau (Afifi) orang pertama dapat lesen Kelas B dalam program ini," ujarnya.

SINAR HARIAN

Tarikh: 02 OCT 2024



Hari Cuci Malaysia 2024 diiktiraf MBOR

PUTRAJAYA - Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) menerima tiga sijil pengiktirafan *Malaysia Book of Records* (MBOR) setelah mencipta rekod baharu semasa penganjuran Hari Cuci Malaysia 2024: Program Pembersihan Mega Sempena World Cleanup Day 2024 pada Sabtu lepas.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Nga Kor Ming menerima sijil berkenaan daripada Ketua Pegawai Eksekutif MBOR, Christopher Wong di sini pada Selasa sempena program yang berlangsung di Pasar Seni, Kuala Lumpur dan 649 lokasi di seluruh negara.

Tiga rekod baharu MBOR adalah 'Largest Simultaneous Participation in A Gotong Royong' iaitu penyertaan paling ramai dan serentak di seluruh negara, 'Heaviest Solid Waste Collected in A Day' (kutipan sisa pepejal terberat) dan 'Longest Non-Stop Gotong Royong Cleanup Programme' iaitu tempoh masa gotong-royong paling lama selama 2 jam.

Dalam ucapan beliau sempena penyerahan sijil MBOR berkenaan, Kor Ming merakamkan penghargaan kepada semua jentera dan pihak terlibat dalam penganjuran program yang bertujuan memupuk budaya kebersihan ini.

"Program ini juga seiring dengan aspirasi Kerajaan Madani yang berteraskan kepada kemampanan dan kesejahteraan masyarakat sebagai tonggak utama.

"Dengan tempoh masa dan



Kor Ming (kanan) menerima Sijil Malaysia Book Of Record (MBOR) daripada Christopher Wong pada Majlis Penyerahan Sijil MBOR Sempena Hari Cuci Malaysia: Pembersihan Mega Seluruh Negara 2024.

penyelarasan yang singkat, kita bersama-sama dapat memusatkan jentera dan operasi pelaksanaan di semua peringkat bagi mencapai sasaran ditetapkan," katanya.

Bellau berkata, Hari Cuci Malaysia akan dijadikan sebagai acara tahunan dan agenda kementerian yang akan dilaksanakan pada Sabtu terakhir bulan September.

"Maka, saya ingin umumkan Hari Cuci Malaysia pada 2025 akan jatuh pada Sabtu terakhir bulan September," katanya. - Bernama

SINAR HARIAN

Tarikh: 0 2 OCT 2024

Penjawat awam sering dipindahkan akan sedar prestasi mereka sentiasa dinilai dan dipantau

84
x10

Pusingan kerja mampu banteras kes rasuah

Oleh SITI NOOR FAEZAH MUDA
SHAH ALAM

Pelaksanaan pusingan kerja dalam perkhidmatan awam merupakan instrumen penting dalam memerangi ketirisan dana awam, penyalahgunaan kuasa dan amalan rasuah.

Presiden Pemerhati Rasuah Malaysia (MCW), Jais Abdul Karim berkata, pihaknya menyokong penuh arahan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (KPPA), Tan Sri Wan Ahmad Dahlan Abdul Aziz yang mengarahkan semua ketua jabatan melaksanakan pusingan kerja pada masa akan datang.

Menurutnya, pelaksanaan pusingan kerja tidak hanya berfungsi sebagai mekanisme untuk menggalakkan dinamik dalam perkhidmatan awam tetapi mampu memutuskan rangkaian

berpotensi membawa kepada amalan rasuah.

"Ini adalah satu langkah proaktif di bawah Agenda Reformasi Perkhidmatan Awam yang bertepatan dengan keperluan semasa untuk memastikan integriti dan ketelusan diutamakan dalam setiap lapisan pentadbiran kerajaan.

"Pusingan kerja dapat mengelakkan pegawai daripada terlalu lama di satu-satu jawatan dan mengurangkan risiko berlaku ketirisan atau salah guna kuasa," katanya dalam satu kenyataan.

Sebelum ini, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) mengarahkan semua ketua jabatan melaksanakan pusingan kerja di organisasi masing-masing bermula Oktober sebagai inisiatif Agenda Reformasi Perkhidmatan Awam.

Menurutnya, inisiatif

**RASUAH
BUSTERS**

itu antara usaha bagi memastikan setiap Kementerian dan jabatan berupaya meningkatkan penyampaian perkhidmatan secara optimum dan berkesan.

Tambah Jais, pegawai yang sering dipindahkan akan lebih berhati-hati dalam melaksanakan tugas kerana sedar bahawa prestasi mereka sentiasa dinilai dan dipantau oleh pelbagai pihak.

Ujarnya, peluang mempelajari tugas baharu dan meluaskan kompetensi membantu pegawai awam lebih bermotivasi dan berdaya saing, sekali gus meningkatkan prestasi serta kualiti penyampaian perkhidmatan.

"MCW percaya kegagalan melaksana-



JAIS

kan pusingan kerja boleh membawa kesan negatif yang lebih besar terhadap keberkesanan perkhidmatan awam dan integriti negara.

"Oleh itu, kami menyambut baik tindakan tatatertib akan dikenakan ke atas ketua-ketua jabatan yang gagal mematuhi arahan ini seperti dinyatakan dalam Peraturan 4 Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993," katanya.

Dalam pada itu, Jais berkata, MCW yakin usaha memerangi rasuah akan terus diperkuat dengan sokongan kepada inisiatif reformasi seperti itu.

Tegasnya, MCW menyeru semua pihak dalam perkhidmatan awam bekerjasama bagi memastikan pelaksanaan pusingan kerja dijalankan dengan telus, adil dan berkesan.

"Dengan langkah tegas seperti ini, MCW percaya negara berada di landasan betul untuk memperkuatkan integriti perkhidmatan awam dan melahirkan sebuah pentadbiran bebas daripada rasuah," katanya.

Ketua jabatan berdepan tindakan tatatertib jika gagal laksana pusingan kerja



Keratan Sinar Harian siaran 26 September 2024.

SINAR HARIAN
Tarikh: 02 OCT 2024...

53,000 individu bergantung kepada pinjaman

Orang muda pikul hutang RM1.9 bilion

KUALA LUMPUR – Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) mendedahkan sebanyak 53,000 individu berusia bawah 30 tahun sudah dibebani hutang hampir RM1.9 bilion.

Menteri Kewangan II, Datuk Seri Amir Hamzah Azizan berkata, agensi itu juga mendapati 28 peratus rakyat dewasa yang bekerja terpaksa meminjam wang hanya untuk membeli barangan keperluan.

"Kebolehcapaian yang semakin meningkat bagi pinjaman peribadi, kad kredit dan terutamanya skim 'Beli Sekarang, Bayar Kemudian' amat membimbangkan, terutamanya dalam kalangan orang dewasa muda.

"Walaupun ia mungkin menawarkan kemudahan, kekurangan pemahaman tentang implikasinya dan kekurangan disiplin dalam mengurus komitmen boleh membawa kepada hutang yang tidak terurus dengan cepat," katanya dalam ucapan pelancaran Bulan Literasi Kewangan Kebangsaan (FLM) 2024 di Sasana Kijang semalam.

Beliau berkata, Tinjauan Literasi Kewangan Pertubuhan Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi (OECD) melaporkan hanya 36 peratus rakyat Malaysia menunjukkan pemahaman tentang konsep kewangan asas, seperti kadar faedah, inflasi dan kepelbagaian risiko.

Katanya, angka ini jatuh di bawah purata global sebanyak 42 peratus dan meletakkan Malaysia di tangga ke-26 daripada 39 negara yang dikaji.

"Tahap celik kewangan yang rendah ini membimbangkan memandangkan hutang isi rumah yang tinggi di Malaysia. Sehingga 2023, hutang isi rumah telah mencecah RM1.53 trilion, bersamaan 84.2 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), satu daripada nisbah



AKPK mendapati 28 peratus rakyat Malaysia iaitu individu dewasa meminjam wang untuk membeli barangan keperluan. — GAMBAR HIASAN

tertinggi di rantau ini.

"Angka yang membimbangkan ini menunjukkan bahawa isi rumah semakin bergantung kepada kredit untuk membiayai gaya hidup dan pelaburan mereka.

"Jika tidak diurus dengan teliti, tahap hutang sedemikian boleh menyebabkan tekanan kewangan jangka panjang, mengukuhkan peranan penting yang dimainkan oleh celik kewangan dalam melindungi kesihatan kewangan," ujarnya.

Jelasnya, statistik itu menyerlahkan keperluan mendesak untuk meningkatkan celik kewangan dalam kalangan rakyat.

"Bagi kebanyakan orang, pengetahuan kewangan masih belum diterjemahkan ke dalam kesediaan kewangan yang tulen.

"Ini mendedahkan jurang besar antara memahami konsep kewangan dan mencapai kesejahteraan kewangan sebenar terutamanya dalam kalangan komuniti kita yang lebih terdedah," katanya.

KOSMO

Tarikh: **02 OCT 2024**

Amaun caruman bagi pekerja bergaji lebih RM5,000

Siling gaji baharu caruman Perkeso

KOSMO
2/10

PETALING JAYA – Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) menguatkuasakan siling gaji baharu bagi caruman daripada RM5,000 kepada RM6,000 bermula semalam.

Perkeso dalam kenyataan berkata, penguatkuasaan itu dilaksanakan susulan pindaan Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 (Akta 4) dan Akta Sistem Insurans Pekerjaan 2017 (Akta 800).

"Langkah meningkatkan siling gaji ini dapat memberi manfaat yang lebih baik kepada pekerja yang berskala gaji melebihi RM5,000 menerusi peningkatan kadar bayaran faedah sedia ada sehingga 20.2 peratus.

"Faedah-faedah tersebut adalah seperti Faedah Hilang Upaya Sementara (FHUS), Faedah Hilang Upaya Kekal (FHUK), Faedah Orang Tanggungan (FOT), Pencen Ilat dan Penakat di bawah Akta 4 serta Elaun Mencari Pekerjaan (EMP), Elaun Pendapatan Berkurangan (EPB) dan Elaun Bekerja Semula Awal (EBSA) di bawah Akta 800," katanya.

Jelas Perkeso, mulai 1 Oktober, amaun caruman yang akan terpakai bagi pekerja yang bergaji melebihi RM5,000 dan RM6,000 sebulan adalah seperti mana



PERKESO menguatkuasakan siling gaji baharu bagi caruman daripada RM5,000 kepada RM6,000 bermula semalam.

yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga, Akta 4 serta Jadual Kedua, Akta 800.

"Sehubungan itu, bayaran caruman bermula 1 Oktober 2024 dan seterusnya hendaklah dibuat oleh majikan mengikut pindaan had siling gaji baharu.

"Majikan diminta untuk mencatatkan jumlah potongan caruman dalam penyata atau slip gaji pekerja masing-masing bagi tujuan rekod dan aktiviti pemeriksaan oleh Perkeso" katanya.

Sejak penubuhannya pada 1971 sehingga kini, sebanyak

enam kali peningkatan siling gaji telah dilaksanakan.

Dianggarkan 1.5 juta pekerja atau hampir 15.5 peratus daripada keseluruhan pencarum Perkeso di seluruh negara terlibat dalam peningkatan siling gaji itu yang merangkumi pekerja tempatan dan pekerja asing.

Langkah proaktif ini diambil selaras dengan kenaikan kos sara hidup dan kos menjalankan perniagaan yang perlu diimbangkan dengan pengagihan faedah serta risiko yang lebih adil kepada pencarum serta orang tanggungan.

KOSMO

Tarikh: 02 OCT 2024



ANWAR (tiga dari kiri) beramah mesra pada majlis Mantap Malaysia Bersama AI: A Google for Malaysia di Kuala Lumpur semalam. - M. FIRDAUS M. JOHARI

Dasar Pengkomputeran Awan Negara diperkenal

Hasrat Malaysia jadi hab penjanaan AI

Oleh ZULKIFLI MANZOR

KUALA LUMPUR — Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim memaklumkan, Malaysia akan memperkenalkan Dasar Pengkomputeran Awan Negara yang menekankan empat bidang teras.

Menurutnya, teras pertama adalah untuk meningkatkan inovasi dan kecekapan perkhidmatan awam dengan memanfaatkan teknologi awan.

Jelas beliau, teras kedua membolehkan perniagaan terutama perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dan syarikat permulaan memanfaatkan teknologi awan untuk inovasi, kecekapan operasi dan akses kepada pasaran global.

"Ketiga, mewujudkan rangka kerja dan protokol keselamatan yang teguh untuk melindungi data sensitif dan infrastruktur kritikal dalam kedua-dua persekitaran awan awam dan swasta.

"Keempat, memperkasakan

rakyat melalui keterangkuman digital untuk meningkatkan kebolehcapaian dan kecekapan perkhidmatan awam yang mengutamakan digital," katanya pada program Mantap Malaysia Bersama AI: A Google For Malaysia Event di sini semalam.

Terdahulu, Anwar yang juga Menteri Kewangan berkata, Kerajaan Madani berhasrat untuk menjadikan Malaysia sebagai hab penjanaan kecerdasan buatan (AI).

Berlandaskan hasrat itu, kata beliau, Kerajaan Madani meletakkan transformasi digital dalam pelan hala tuju ekonominya seperti Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030.

"Memacu Malaysia ke arah kepimpinan AI, Kerajaan Madani melancarkan Pelan Hala Tuju Bakat AI untuk Malaysia (2024-2030) dan Konsortium AI Malaysia (MAIC) sebagai laluan konkrit ke arah kemajuan AI.

"Selaras dengan usaha untuk meletakkan Malaysia sebagai pe-

main yang berdaya saing dalam landskap AI global, kerajaan sedang menubuhkan Pejabat AI Kebangsaan untuk menyelaraskan semua inisiatif berkaitan teknologi AI," katanya.

Selain itu, kata beliau, dalam tempoh 12 bulan akan datang, kerajaan menyasarkan untuk mencapai beberapa hasil utama termasuk melengkapkan Pelan Tindakan Teknologi AI (2026 hingga 2030) dan penubuhan rangka kerja kawal selia untuk meningkatkan penggunaan teknologi AI.

Dalam pada itu, jelasnya, seramai 5.5 juta pelajar dan guru di Malaysia kini menggunakan platform Inisiatif Pembelajaran Pendidikan Digital Malaysia (DE-LIMA) dan ia harus dicontohi oleh seluruh jentera kerajaan.

"Saya akan bangkitkan perkara ini dalam Mesyuarat Kabinet esok (hari ini). Tiada sebab jabatan kerajaan tidak boleh memulakan segera perkara ini," katanya.

KOSMO

Tarikh: 02 OCT 2024

Perkeso kuat kuasa had siling gaji baharu

Kuala Lumpur: Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) akan menguatkuasakan had siling gaji baharu bagi maksud caruman daripada RM5,000 kepada RM6,000 sebulan mulai semalam.

Dalam kenyataan semalam, Perkeso memaklumkan penguatkuasaan itu dilaksanakan susulan pindaan Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 (Akta 4) dan Akta Sistem Insurans Pekerjaan 2017 (Akta 800).

"Mulai 1 Oktober ini (semalam), amaun caruman yang akan terpakai bagi pekerja yang bergaji melebihi RM5,000 dan RM6,000 sebulan adalah seperti mana dinyatakan dalam Jadual Ketiga, Akta 4 serta Jadual Kedua, Akta 800.

"Langkah meningkatkan siling gaji ini memberi manfaat lebih baik kepada pekerja berskala gaji melebihi RM5,000 menerusi peningkatan bayaran fae-

dah sedia ada sehingga 20.2 peratus," katanya.

Ia termasuk Faedah Hilang Upaya Sementara, Faedah Hilang Upaya Kekal, Faedah Orang Tanggungan, Pencen Ilat dan Penakat di bawah Akta 4, serta Elaun Mencari Pekerjaan, Elaun Pendapatan Berkurangan dan Elaun Bekerja Semula Awal di bawah Akta 800.

Menurut Perkeso, majikan perlu membuat bayaran caruman bermula semalam dan seterusnya mengikut pindaan had siling gaji baharu itu serta mencatatkan jumlah potongan caruman dalam penyata atau slip gaji pekerja bagi tujuan rekod dan aktiviti pemeriksaan.

"Dianggarkan 1.5 juta pekerja atau hampir 15.5 peratus daripada keseluruhan pencarum Perkeso di seluruh negara terlibat dalam peningkatan siling gaji ini," katanya

HARIAN METRO
Tarikh: 02 OCT 2024



ANWAR (tengah) bersama Presiden dan Ketua Pegawai Pelaburan Alphabet dan Google, Ruth Porat (lima dari kanan) pada Majlis Google's Mantap Malaysia Bersama AI di ibu kota.

DASAR PENGKOMPUTERAN AWAN NEGARA

Tingkat kecekapan perkhidmatan awam

Kuala Lumpur

Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, kerajaan akan memperkenalkan Dasar Pengkomputeran Awan Negara yang memberi penekanan terhadap empat teras utama.

Anwar yang juga Menteri Kewangan berkata, teras berkenaan adalah inovasi dan kecekapan perkhidmatan awam, daya saing dan pertumbuhan ekonomi, memacu pembangunan ekonomi dengan membolehkan perniagaan mengukuhkan kepercayaan pengguna serta keselamatan data dan pemeraksanaan rakyat melalui keterangkuman digital.

Beliau berkata, teras pertama membabitkan usaha kerajaan Madani meningkatkan aspek inovasi dan kecekapan perkhidmatan awam manakala pemanfaatan teknologi awan membolehkan kerajaan menyasarkan pemodenan operasi, memupuk pembabitkan rakyat serta menyelaras penyampaian perkhidmatan awam.

"Kedua, kita juga mahu menggalakkan daya saing dan pertumbuhan ekono-



Peranan kolaboratif Google adalah bagi memberi penambahbaikan sewajarnya berdasarkan pengalaman dengan negara lain sebelum ini"

Anwar

mi, meningkatkan pembangunan ekonomi dengan membolehkan perniagaan, terutama perusahaan kecil dan sederhana serta syarikat pemula niga memanfaatkan teknologi awan untuk inovasi, kecekapan operasi dan akses ke pasaran global," kata beliau.

Perdana Menteri berkata demikian ketika berucap merasmikan majlis pecah tanah pembinaan pusat data dan wilayah awan pertama Google di Malaysia yang merangkumi pelaburan bernilai AS\$2 bilion (kira-kira RM8.33 bilion).

Menjelaskan selanjutnya, Anwar berkata, aspek ketiga menyentuh komitmen kerajaan untuk me-

ngukuhkan lagi kepercayaan pengguna dan keselamatan data, termasuk mewujudkan rangka kerja dan protokol keselamatan yang teguh demi melindungi data sensitif serta infrastruktur kritikal dalam persekitaran awan awam dan swasta.

"Bagi teras keempat, kita akan memperkasa rakyat melalui keterangkuman digital. Pendekatan kita akan berasaskan rakyat serta inklusif, menggunakan teknologi awan untuk meningkatkan akses serta kecekapan perkhidmatan awam yang mengutamakan digital," kata beliau.

Dalam pada itu, beliau juga menyifatkan intervensi dasar sebagai sesuatu yang penting dan kerajaan memerlukan input Google dalam usaha menarik pelaburan digital.

"Kita melaksanakannya dan inisiatif ini diperkenankan selepas beberapa siri perbincangan dengan industri, termasuk Google."

"Peranan kolaboratif Google adalah bagi memberi penambahbaikan sewajarnya berdasarkan pengalamannya dengan negara-negara lain sebelum

ini," kata beliau.

Perdana Menteri turut berkongsi hasrat kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai hab kecerdasan buatan (AI) generatif dan memerlukan pelaburan daripada rakan teknologi untuk mewujudkan infrastruktur digital yang mantap dan selamat.

"Bagi memacu Malaysia dalam menerajui usaha AI, kerajaan Madani sudah melancarkan Pelan Hala Tuju Bakat AI untuk Malaysia dan Konsortium AI Malaysia sebagai laluan konkrit bagi kemajuannya," kata beliau.

Pusat Data Google yang sedang dalam pembinaan di Elmina Business Park, Selangor, akan dapat menangani peningkatan permintaan terhadap keupayaan awan Google, inovasi AI dan perkhidmatan digital lain yang digunakan setiap hari oleh individu serta organisasi di Malaysia.

Pelaburan Google itu juga dijangka menjana impak ekonomi bernilai lebih US\$3.2 bilion (kira-kira RM13.32 bilion) serta mewujudkan 26,500 pekerjaan menjelang 2030. - Bernama

Teknologi bantu siasatan SPRM lebih cepat, teratur

Pegawai penyiasat juga dilengkapi dengan ilmu mengesan wang rasuah disorok

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) memperkakan penggunaan teknologi dalam kaedah penyiasatan mereka seiring dengan perkembangan jenayah rasuah yang semakin rumit dan kompleks.

Ketua Pesuruhjaya SPRM Tan Sri Azam Baki berkata, berbanding lima tahun lalu, kaedah penyiasatan suruhanjaya ini berubah dan ditambah baik dengan penggunaan sistem sumber terbuka *open-source system* yang mampu mengumpul maklumat bagi membina profil seseorang suspek dalam tempoh yang singkat.

Beliau berkata, sistem yang digunakan secara meluas di peringkat antarabangsa ini membolehkan SPRM melakukan analisis terhadap lokasi suspek serta mengumpul maklumat yang diperlukan sebelum tindakan siasatan lanjut diambil.

"Kini, pegawai kami tidak lagi perlu melakukan pemantauan di lapangan terhadap suspek, yang mungkin memakan masa. Dengan kae-

dah ini, kami mengurangkan keperluan penggunaan tenaga manusia dalam siasatan, sambil meningkatkan kelajuan penyiasatan yang seterusnya banyak membantu dalam proses pendakwaan.

"Kita memperkembangkan cara pegawai menjalankan risiko dan siasatan. Jika lima tahun lalu, kami lebih banyak bergantung kepada pegawai risiko di lapangan, kini kami menggunakan sistem yang ada menganalisis serta mengesan suspek," katanya dalam satu wawancara khas sempena ulang tahun ke-57 SPRM di pejabatnya.

Azam menjelaskan dengan bantuan teknologi tersebut, penyiasatan dan

risikan terhadap sesuatu kes dapat dilakukan dengan lebih pantas, teratur, dan lengkap.

Ini secara tidak langsung turut menyumbang kepada peningkatan jumlah sabitan dalam kes yang disiasat.

Menurut Azam, pihaknya juga sedang melengkapkan pegawai-pegawai SPRM dengan kemahiran dalam bidang keselamatan siber dan mata wang kripto, yang kini menjadi platform baharu digunakan oleh penjenayah yang terbabit dalam rasuah untuk menyimpan wang haram mereka.

"Pengetahuan mengenai mata wang kripto merupa-

kan satu daripada kaedah baharu di mana mereka yang terbabit dalam rasuah menyimpan hasil haram dalam bentuk ini. Pegawai saya sedang dilatih dan dilengkapi dengan ilmu mengesan wang-wang yang disimpan sebagai mata wang kripto, bagi tujuan pendakwaan serta pemulangan kepada kerajaan," katanya.

Selain itu, Azam berkata, bagi memastikan keselamatan anggota ketika menjalankan operasi di kawasan berisiko dan berbahaya, SPRM menubuhkan Pasukan Taktikal SPRM (ACTS), seperti yang dilihat dalam operasi serbuan di Sibul, Sarawak.

Katanya, pasukan terbabit dianggotai 20 pegawai lengkap bersenjata terkini dan menjalani latihan bersama VAT 69 Komando di Perak.

Menurut Azam, membantaras rasuah dalam sektor awam masih menjadi keutamaan agensi terbabit dalam usaha mengekang ketirisan wang kerajaan.

Beliau berkata, berdasarkan statistik SPRM bagi tempoh 2020 hingga 2024, 30,483 maklumat berkaitan isu rasuah diterima dan daripada jumlah itu, 17,892 atau 58 peratus membabitkan penjawat awam.

"Sepanjang tempoh terbabit, SPRM membuka 2,123 kertas siasatan dan melakukan tangkapan 2,046 penjawat awam. Sebanyak 1,036 pertuduhan dibawa ke mahkamah, manakala 464 penjawat awam disabitkan bersalah," katanya.

Azam berkata, kesalahan dilakukan membabitkan 1,124 kes penerimaan rasuah, 445 kes tuntutan palsu, 19 kes pemberian rasuah, 320 kes penyalahgunaan kedudukan, 57 kes pengubahan wang haram, 153 kes di bawah Kanun Keseksaan, dan lima kes di bawah akta lain.

Beliau berkata, sejajar dengan perkembangan semasa, SPRM kini memberi tumpuan kepada kes-kes yang membabitkan penguatkuasaan, perolehan, dan rasuah berskala besar yang menjadi punca utama ketirisan hasil kerajaan, berjumlah RM277 bilion dalam tempoh lima tahun kebelakangan ini.

Azam berkata, SPRM kini lebih menumpukan siasa-

tan terhadap kes yang berkaitan kepentingan awam atau membabitkan perlakuan sekumpulan pegawai atau anggota penguat kuasa.

Menurutnya, sepanjang tahun 2024, SPRM melaksanakan empat operasi berskala besar. Antaranya Op Samba yang membabitkan kegiatan penyeludupan di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dengan ketirisan lebih RM2 bilion dalam tempoh tiga tahun kebelakangan ini. Seramai 23 pegawai kastam dituduh.

"Op Transit pula membabitkan penyeludupan di Pelabuhan Klang menyebabkan ketirisan lebih RM3.5 bilion sejak 10 tahun lalu, manakala Op Pump membabitkan pegawai imigresen bersekolong dengan sindiket membawa masuk warga asing di KLIA dan KLIA2.

"Selain itu, Op Liter yang dijalankan di Sibul, Sarawak membongkar ketirisan sebanyak RM400 juta sejak tahun 2012 akibat pencurian diesel bersubsidi yang diperuntukkan kepada nelayan," katanya.

Menurut Azam, berdasarkan maklumat terdapat kira-kira RM30 bilion ketirisan beredar di pasaran gelap hasil daripada kegiatan jenayah seperti penyeludupan, perjudian, dan rasuah.

Oleh itu, agensi-agensi penguat kuasa perlu bekerjasama lebih erat untuk memulangkan wang tersebut kepada kerajaan.

"Wang ini boleh dikembalikan kepada kerajaan sekiranya kita menjalankan usaha bersama," katanya.

SPRM yakin capai kedudukan ke-25 CPI

Petaling Jaya: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) yakin Malaysia mampu mencapai kedudukan ke-25 dalam Indeks Persepsi Rasuah (CPI) dalam tempoh 10 tahun akan datang.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki berkata, walaupun tidak mudah, beliau yakin sasaran itu boleh dicapai berdasarkan kedudukan Malaysia yang semakin meningkat tahun demi tahun.

Menurutnya, pada penilaian CPI 2023, kedudukan Malaysia meningkat ke tangga 57 berbanding tangga ke-61 pada tahun sebelumnya.

"Untuk meningkatkan lagi ke arah (tangga ke-25) dalam

tempoh 10 tahun ini, pelbagai usaha dibuat. Sebagai contoh, satu jawatankuasa ditubuhkan dengan diketuai oleh SPRM melibatkan banyak pemegang taruh. "Antaranya

Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI), Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC), Kementerian Kewangan (MOF), Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Kementerian Dalam Negeri (KDN).

"Semua agensi ini terlibat dalam CPI kerana CPI ini bukan sahaja melibatkan tindakan mencegah rasuah dalam negara ini, tetapi juga melibatkan isu lain seperti isu tata kelola, etika perniagaan dan sebagainya," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui wartawan selepas menjadi tetamu pada program Malaysia Hari Ini (MHI) di Sri Pentas, Bandar Utama, di sini, kelmarin.

Untuk rekod, CPI Malaysia 2023 naik tiga mata kepada 50 mata, berbanding 47 mata pada 2022.

Skor itu meletakkan Malaysia di kedudukan 57 daripada keseluruhan 180 negara, berbanding tangga 61 pada 2022.

Dari segi kedudukan negara Asean, Malaysia berada di tempat kedua terbaik selepas Singapura yang merekodkan skor 83, dan berada di tangga kelima daripada 180 negara.



AZAM

Am 8/10

SIMPANAN KWSP KURANG

Struktur gaji rendah sebagai faktor utama

Kuala Lumpur: Struktur gaji rendah di Malaysia menjadi antara faktor utama yang menyebabkan jumlah simpanan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) yang tidak mencukupi.

Pengerusi KWSP Tan Sri Mohd Zuki Ali berkata caruman yang tidak teratur, terutama dalam kalangan mereka yang menceburi ekonomi tidak formal atau ekonomi gig, juga hanya memburukkan lagi keadaan.

"Peralihan yang kian ketara ke arah kerja tidak formal telah menyebabkan semakin kurangnya individu mendapat akses terhadap skim simpanan persaraan rasmi seperti KWSP.

"Ini ditambah lagi dengan tahap celik kewangan agak rendah dan menghadkan pemahaman orang ramai me-

ngenai kepentingan menabung serta perancangan persaraan," katanya pada acara perasmian Bulan Literasi Kewangan 2024 di sini, semalam.

Antara usaha bagi menaikkan gaji termasuk langkah kerajaan melaksanakan pelarasan gaji di bawah Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) yang akan menggantikan Sistem Saraan Malaysia (SSM) berkuatkuasa 1 Dis, 2024.

Kerajaan juga menaikkan gaji minimum kepada RM1,500 sebulan pada 2022 daripada RM1,200 sebulan di bandar-bandar utama dan RM1,100 di bahagian lain di Malaysia pada 2020 untuk membantu menangani peningkatan kos sara hidup serta memperbaiki keadaan kewangan pekerja yang bergaji rendah.

HARIAN METRO
02 OCT 2024
Tarikh:

Bisnes



PENGETAHUAN kewangan masih belum diterjemahkan ke dalam kesediaan kewangan yang tulen.

53,000 DIBEBANI HUTANG RM1.9B

Sebanyak 28% rakyat Malaysia pinjam wang beli barang keperluan

Oleh Mahanum
Abdul Aziz
am@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Laporan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) menunjukkan 53,000 individu di bawah 30 tahun sudah dibebani hutang hampir RM1.9 bilion, kata Menteri Kewangan II, Datuk Seri Amir Hamzah Azizan.

Beliau berkata, AKPK juga melaporkan bahawa 28 peratus rakyat Malaysia dewasa yang bekerja terpaksa meminjam wang hanya untuk membeli barangan keperluan.

Katanya, kebolehcapaian yang semakin meningkat bagi pinjaman peribadi, kad kredit dan terutamanya skim 'Beli Sekarang, Bayar Kemudian' amat membimbangkan, terutamanya dalam kalangan golongan muda.

Jelasnya, walaupun skim sedemikian mungkin menawarkan kemudahan, kekurangan pemahaman mengenai implikasinya dan kekurangan disiplin dalam menguruskan komitmen boleh membawa kepada



AMIR Hamzah

hutang yang tidak terurus dengan cepat.

Justeru, katanya, perangkaan yang dicatatkan itu menyerlahkan keperluan mendesak untuk meningkatkan celik kewangan dalam kalangan rakyat Malaysia.

"Bagi kebanyakan orang, pengetahuan kewangan masih belum diterjemahkan ke dalam kesediaan kewangan yang tulen, mendedahkan jurang yang besar antara memahami konsep kewangan dan mencapai kesejahteraan kewangan sebenar terutamanya dalam kalangan komuniti yang lebih rentan," katanya.

Beliau berkata demikian pada pelancaran Bulan Celik Kewangan (FLM) 2024

dengan tema 'Bijak Wang, Hidup Sejahtera', di sini, hari ini.

Amir Hamzah berkata, menurut Tinjauan Celik Kewangan Pertubuhan Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi (OECD), hanya 36 peratus rakyat Malaysia menunjukkan pemahaman mengenai konsep kewangan asas, seperti kadar faedah, inflasi dan kepelbagaian risiko.

Beliau berkata, angka itu berada di bawah purata global sebanyak 42 peratus dan meletakkan Malaysia di tangga ke-26 daripada 39 negara yang dikaji.

Katanya, tahap celik kewangan yang rendah itu membimbangkan memandangkan hutang isi rumah yang tinggi di Malaysia.

"Sehingga 2023, hutang isi rumah telah mencecah RM1.53 trilion, bersamaan 84.2 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNG), salah satu nisbah tertinggi di rantau ini.

"Angka yang membimbangkan ini menunjukkan isi rumah semakin bergantung kepada kredit untuk membiayai gaya hidup dan pelaburan mereka.

"Jika tidak diurus dengan teliti, tahap hutang sede-

mikian boleh menyebabkan tekanan kewangan jangka panjang, mengukuhkan peranan penting yang dimainkan oleh celik kewangan dalam melindungi kesihatan kewangan," katanya.

Amir Hamzah berkata, celik kewangan adalah asas kepada pemeraksanaan ekonomi dan kesejahteraan kewangan semua rakyat Malaysia, menjadikannya tonggak utama rangka kerja Ekonomi MADANI.

Beliau berkata, diiktiraf sebagai pemacu utama kestabilan kewangan peribadi dan pertumbuhan ekonomi negara, celik kewangan memainkan peranan penting dalam memupuk ekonomi yang mampan dan inklusif.

Katanya, kerajaan, melalui Jaringan Pendidikan Kewangan (FEN), telah mengutamakan celik kewangan sebagai elemen teras agenda dasarnya di bawah Strategi Literasi Kewangan Kebangsaan 2019-2023.

"Mencapai celik kewangan memerlukan kerjasama seluruh negara yang diselenggarakan antara kerajaan, institusi pendidikan, institusi kewangan dan masyarakat sivil," katanya.

HARIAN METRO

Tarikh: 02 OCT 2024

PUSAT DATA GOOGLE

HM
-110

Penanda aras kecekapan penggunaan tenaga, air

Kuala Lumpur: Pusat data Google di Malaysia yang baharu akan menjadi penanda aras korporat bagi penggunaan tenaga dan air secara cekap, seiring dengan amalan terbaik ekonomi kitaran negara.

Menteri Pelaburan, Perdagangan, dan Industri Tengku Datuk Seri Zafrul Abdul Aziz berkata kerajaan akan memperkenalkan garis panduan yang menumpukan kepada kecekapan penggunaan kuasa dan air serta pembangunan pusat tersebut.

Beliau berkata garis panduan itu adalah untuk mengurangkan kesan kepada alam sekitar di samping memaksimumkan kecekapan operasinya.

"Kami menyedari bahawa pusat data menggunakan sejumlah besar tenaga. Oleh itu, Strategi Pelaburan Hijau (GIS) kami memberi tumpuan untuk memastikan semua pembangunan infrastruktur digital baharu, termasuk pusat data, menyokong komitmen kami untuk mencapai



TENGKU Zafrul

pelepasan sifar bersih menjelang 2050," katanya.

Tengku Zafrul berkata pengenalan Skim Bekalan Tenaga Boleh Baharu Korporat (CRESS) membolehkan pihak ketiga, iaitu syarikat korporat mengakses elektrik hijau melalui sistem grid terbuka.

Skim ini membolehkan syarikat mendapatkan tenaga bersih secara langsung daripada pengeluaran tenaga.

"Ini akan terus menggalakkan penggunaan tenaga hijau untuk menyokong penyahkarbonan infrastruktur digital Malaysia," katanya.

HARIAN METRO
02 OCT 2024

PERKESO kuat kuasa had siling gaji baharu

BH 2/10
Kuala Lumpur: Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) menguatkuasakan had siling gaji baharu bagi caruman daripada RM5,000 kepada RM6,000 sebulan, mulai semalam.

PERKESO dalam kenyataan semalam memaklumkan penguatkuasaan itu dilaksanakan susulan pindaan Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 (Akta 4) dan Akta Sistem Insurans Pekerjaan 2017 (Akta 800).

"Mulai 1 Oktober, jumlah caruman yang akan terpakai bagi pekerja yang bergaji melebihi RM5,000 dan RM6,000 sebulan adalah seperti yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga, Akta 4 serta Jadual Kedua, Akta 800.

"Langkah meningkatkan siling gaji ini dapat memberi manfaat yang lebih baik kepada pekerja yang berskala gaji melebihi RM5,000 menerusi peningkatan kadar bayaran faedah sedia ada sehingga 20.2 peratus," menurut kenyataan itu.

Faedah itu termasuk Faedah Hilang Upaya Sementara, Faedah Hilang Upaya Kekal, Faedah Orang Tanggungan, Pencen Ilat dan Penakat di bawah Akta 4, serta Elaun Mencari Pekerjaan, Elaun Pendapatan Berkurangan dan Elaun Bekerja Semula Awal di bawah Akta 800.

Sehubungan itu, menurut PERKESO majikan hendaklah membuat bayaran caruman bermula 1 Oktober dan seterusnya mengikut pindaan had siling gaji baharu itu serta mencatatkan jumlah potongan caruman dalam penyata atau slip gaji pekerja bagi tujuan rekod dan aktiviti pemeriksaan.

BERNAMA

BERITA HARIAN
Tarikh.....02 OCT 2024.....

40,000 kakitangan awam berisiko alami tekanan

MyPsyD antara inisiatif cegah masalah mental dan kesihatan psikologi

Oleh Mohd Roji Kawi
mdroji@bh.com.my

Kuching: Lebih 40,000 kakitangan awam di negara ini, berisiko tinggi mengalami isu kesihatan psikologi berikutan kegagalan mereka menangani tekanan di tempat kerja masing-masing.

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (KPPA), Tan Sri Wan Ahmad Dahlan Abdul Aziz, berkata angka itu diperoleh menerusi dapatan Sistem Profiling Digital Kesihatan Psikologi Pegawai Perkhidmatan Awam (MyPsyD) yang dilaksanakan mulai 1 Mac hingga September 2024.

Beliau berkata, sepanjang pelaksanaan secara berperingkat membabitkan semua kementerian dan agensi seluruh negara, hampir sejuta kakitangan awam melengkapkan profil MyPsyD itu.

"MyPsyD adalah di antara inisiatif terkini kerajaan untuk meningkatkan program pencegahan tingkah laku berisiko mengalami masalah kesihatan psikologi," katanya.

Beliau berkata demikian dalam ucapan pada majlis perasmian Persidangan Antarabangsa Mengenai Kesejahteraan Psiko-



Wan Ahmad Dahlan (dua dari kanan) menyampaikan penghargaan kepada rakan strategik pada persidangan ICOPW 2024, di Kuching, semalam.

(Foto Mohd Roji Kawi/BH)

logi 2024 (ICOPW), di sini, semalam.

Yang turut hadir, Setiausaha Persekutuan Sarawak, Datuk Ahmad Nadzri Mohd Hassan; Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (Operasi), Datuk Mohd Shaiful Ibrahim; Pengerusi Lembaga Pengarah UNIMAS, Tan Sri Sulong Matjeraie; Presiden Pusat Pertahanan Nasional, Laksamana Madya Datuk Sabri Zali dan Timbalan Naib Canselor UNIMAS, Prof Dr Siti Noor Linda Taib.

Lebih 200 pakar psikologi Asia Tenggara antaranya Indonesia,

Brunei, Myanmar termasuk Malaysia menghadiri persidangan dua hari anjuran bersama Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) itu.

Cakna rangka strategi

Wan Ahmad Dahlan berkata, profil MyPsyD penting untuk setiap penjawat awam kerana ia bertindak sebagai indikator individu dan organisasi supaya lebih cakna dalam merangka strategi melalui pembangunan sendiri pencegahan dan intervensi yang bersasar bagi menyantuni dan

melestarikan kesejahteraan pegawai awam.

"Kakitangan awam yang dikenali pasti berisiko tinggi mengalami isu kesihatan psikologi memerlukan intervensi segera bagi mengelakkan mereka daripada menghadapi kecelaruan mental.

"Sehubungan itu, berdasarkan keperluan semasa dalam bidang intervensi, pencegahan, pemulihan dan penyelidikan, maka persidangan diadakan dan diharap ia berupaya untuk membantu pembentukan landskap kesihatan mental yang lebih baik," katanya.

BERITA HARIAN
Tarikh..... 02 OCT 2024.....

Kerajaan sasar Malaysia jadi hab AI

Pelan Tindakan
Teknologi AI
disiapkan
tempoh 12 bulan
akan datang

Oleh Hazwan Mohamad dan
Mohd Nasaruddin Parzi
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kerajaan menya-
sar menjadikan Malaysia sebagai
hab penjana kecerdasan bua-
tan (AI) dengan menyiapkan Pe-
lan Tindakan Teknologi AI da-
lam masa 12 bulan akan datang,
kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Perdana Menteri berkata, se-
laras usaha meletakkan Mala-
ysia sebagai negara berdaya
saing dalam landskap AI global,
kerajaan juga dalam proses me-
nubuhkan Pejabat AI Kebangsa-
an untuk menyelaras semua in-
isiatif berkait teknologi itu.

Selain itu, katanya, kerajaan
akan turut mewujudkan rangka
kerja dan protokol keselamatan
yang teguh untuk melindungi da-
ta sensitif dan infrastruktur kri-
tikal dalam persekitaran awan di
sektor awam dan swasta.

"Dalam tempoh 12 bulan akan
datang, kami menyasar untuk

mencapai beberapa hasil utama,
termasuk melengkapkan Pelan
Tindakan Teknologi AI 2026-2030.

"Selain itu, penubuhan rangka
kerja kawal selia untuk mening-
katkan penggunaan teknologi AI
yang beretika dan mampan.
Kami juga akan mempercepat-
kan penggunaan AI dalam sektor
utama di seluruh Malaysia.

"Kami bukan hanya ingin me-
narik pelaburan pusat data, kami
mahukan rakan kongsi yang ber-
kongsi nilai kami ke arah masa
depan mampan," katanya.

Perdana Menteri berkata de-
mikian ketika berucap pada ma-
jlis 'Mantap Malaysia Bersama
AI, A Google For Malaysia Event',
di sini, semalam.

Ia adalah majlis pecah tanah
untuk pusat data dan wilayah
awan pertama di Malaysia ber-
tempat di Elmina Business Park,
Selangor, membabitkan pelabu-
ran AS\$2 bilion (RM8.29 bilion)
seperti diumumkan Google se-
belum ini.

Pelaburan Google itu juga di-
jangka menjana impak ekonomi
bernilai lebih AS\$3.2 bilion serta
mewujudkan 26,500 pekerjaan
menjelang 2030.

Turut hadir, Menteri Pelabu-
ran, Perdagangan dan Industri,
Tengku Datuk Seri Zafrul Aziz;
Menteri Digital, Gobind Singh
Deo; Menteri Pengangkutan, An-
thony Loke serta Presiden dan
Ketua Pegawai Pelaburan Alpha-

bet dan Google, Ruth Porat.

Syarikat pembinaan terkemu-
ka tempatan, Gamuda Bhd, turut
mendapat perhatian pada majlis
itu yang menampilkan penyepa-
duan AI yang canggih dalam per-
alatan pembinaan dan Akademi
AI Gamuda bersama Google.

Kerjasama kumpulan itu de-
ngan Google, membawa kepada
jumpatan ke meja bulat Ketua
Pegawai Eksekutif (CEO) bersa-
ma Ruth Porat.

Tarik banyak pelaburan

Dalam pada itu, Anwar berkata,
dasar kerajaan untuk menarik
pelaburan digital adalah jelas,
bermatlamat memodenkan Ma-
laysia melalui kemajuan tekno-
logi seperti AI.

"Kita bukan saja akan mening-
katkan kecekapan dan keberke-
sananan, tetapi juga memupuk bu-
daya inovasi dan literasi digital
yang akan meresap ke seluruh
masyarakat," katanya.

Dari perspektif serantau, ka-
tanya, apabila mengambil alih
kepengurusan ASEAN tahun de-
pan, Malaysia akan meletakkan
diri sebagai juara serantau bagi
dasar digital yang berpandangan
ke hadapan dan transformatif.

"Ini untuk menggalakkan per-
sekitaran kawal selia yang me-
nyokong kemajuan teknologi dan
untuk memupuk kerjasama da-
lam kalangan semua negara an-
gota," katanya.



Anwar menerima cenderahati daripada Ruth Porat pada Majlis Google's
Mantap Malaysia Bersama AI di Kuala Lumpur, semalam. (Foto BERNAMA)

Anwar berkata, pelaburan tek-
nologi *big data* oleh Google amat
bermakna kepada negara, me-
mandangkan manfaat besarnya
bakal diraih semua masyarakat.

Katanya, beliau tertarik pan-
dangan Google dan Tengku Za-
frul bahawa pelaburan itu sela-
ras hasrat Malaysia dalam dasar
digital, AI serta dasar hijau yang
mengambil kira keperluan sema-
sa dan tidak meninggalkan se-
luruh kelompok masyarakatnya.

"Dengan memanfaatkan tekno-
logi awan, kami menyasar untuk
memodenkan operasi kerajaan,
memupuk pembabitatan rakyat
dan memperkemas penyampaian
perkhidmatan awam," katanya.

Teras ketiga, kata Anwar, ke-
rajaan berusaha untuk mengga-
lakkan daya saing dan pertum-
buhan ekonomi serta memacu pe-
ngembangan ekonomi.

puteran Awan Negara.

Inisiatif itu, katanya, sekali gus
menunjukkan kerajaan komited
memperkuh kepercayaan
pengguna dan keselamatan data.

Selain itu, beliau berkata, ke-
rajaan juga akan meningkatkan
inovasi dan kecekapan perkhid-
matan awam.

"Dengan memanfaatkan tekno-
logi awan, kami menyasar untuk
memodenkan operasi kerajaan,
memupuk pembabitatan rakyat
dan memperkemas penyampaian
perkhidmatan awam," katanya.

Teras ketiga, kata Anwar, ke-
rajaan berusaha untuk mengga-
lakkan daya saing dan pertum-
buhan ekonomi serta memacu pe-
ngembangan ekonomi.

Ia, katanya, dengan membole-
hkan perniagaan, terutama peru-
sahaan kecil dan sederhana
(PKS) serta syarikat pemula me-
manfaatkan teknologi awan un-
tuk inovasi, kecekapan operasi
dan akses pasaran global.

BERITA HARIAN
02 OCT 2024
Tarikh.....

Akta Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2024 (Akta 852) 2/10

Penguat kuasa KKM ambil pendekatan berhemah

Putrajaya: Akta Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2024 (Akta 852) akan dikuatkuasakan secara berhemah dan munasabah, kata Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad.

Akta yang diwartakan 2 Februari lalu, mula berkuat kuasa semalam serentak bersama Peraturan-Peraturan dan Perintah di bawahnya.

"Saya yakin penguat kuasa Kementerian Kesihatan (KKM) (akan) ambil pendekatan berhemah supaya kerelaan dan kesediaan mereka yang terbabit dalam industri ini memahami kita (kerajaan) lakukan semua ini adalah untuk kebaikan kesihatan generasi muda," kata-

nya kepada media selepas majlis sambutan Hari Warga Emas peringkat Kementerian Kesihatan, di sini semalam.

Dr Dzulkefly berkata, terdapat dua aspek dalam pelaksanaan akta itu, iaitu serta-merta dan penguatkuasaan pendidikan, agar wujud suasana saling menghormati undang-undang dan hak terutama dalam penjualan produk tembakau rokok elektronik atau vape kepada kanak-kanak bawah umur.

Beliau berkata, antara cabaran ialah mengenal pasti umur pembeli serta kesukaran memastikan individu yang membeli produk tembakau ialah orang belum dewasa (OBD).

Penguatkuasaan serta-merta

bermula semalam membabitkan penjualan produk merokok yang berbentuk permainan dan menarik perhatian kanak-kanak serta remaja bertujuan mengekang kebolehdapatan produk itu.

Dr Dzulkefly berkata, hal itu kerana KKM memandang serius kesan buruk amalan merokok berleluasa, termasuk promosi pemasaran kurang beretika yang menyasarkan golongan berkenaan.

Selain itu, peruntukan akta juga membabitkan pengiklanan, promosi dan tajaan semua jenis produk merokok serta berkaitan tempat larangan penjualan produk merokok seperti institusi pendidikan, pasar jualan dalam talian dan mesin layan diri.

Penguatkuasaan pendidikan pula akan dilaksanakan dahulu bagi tempoh enam hingga 12 bulan daripada tarikh kuat kuasa bagi aspek seperti pendaftaran produk merokok yang akan dikuatkuasakan bermula 1 April 2025, kawalan jualan, termasuk pameran di kaunter jualan (1 April 2025) serta pembungkusan dan pelabelan (1 Oktober 2025).

BERNAMA



BERITA HARIAN

02 OCT 2024
Tarikh.....

Ringgit jadi mata wang terbaik di rantau Asia

BH 2/10
Ringgit mencatatkan prestasi memberangsangkan, menjadi mata wang terbaik di rantau Asia dengan pulangan hampir 12 peratus setakat ini tahun ini, menurut laporan oleh AmBank (M) Bhd.

Mata wang tempatan itu mencatat paras tertinggi RM4.10 berbanding dolar AS dalam dagangan harian kelmarin, mengatasi baht Thailand yang berada di kedudukan kedua dengan pulangan sekitar 5.5 peratus.

Peningkatan ini disokong oleh sentimen pasaran yang positif dan mod risiko tinggi, selain kesan daripada jurang kadar faedah yang semakin mengecil antara Kadar Dasar Semalaman (OPR) Bank Negara Malaysia (BNM) dan Kadar Dana Persekutuan (FFR) Amerika Syarikat.

AmBank menyatakan bahawa walaupun inflasi di Malaysia minggu lalu berada di bawah jangkaan, memberi ruang kepada spekulasi bahawa BNM mungkin

mempertimbangkan penurunan OPR, ekonomi Malaysia masih menunjukkan pertumbuhan yang kukuh. Ini mengurangkan tekanan terhadap bank pusat untuk bertindak segera.

Bagaimanapun, AmBank turut mengingatkan bahawa dalam jangka pendek, ringgit mungkin mengalami pembetulan susulan risiko politik dari pilihan raya AS dan jangkaan pasaran yang mungkin terlalu optimistik. Sasaran kadar pertukaran ringgit menjelang akhir tahun ini dianggarkan berada di antara RM4.15 hingga RM4.20 berbanding dolar AS.

Laporan itu turut menyoroti prestasi dolar AS yang menunjukkan dagangan mendatar sepanjang minggu lalu. Indeks DXY, yang mengukur kekuatan dolar berbanding mata wang utama dunia, ber-

da dalam trend penyatuan sejak akhir Ogos, dengan paras sokongan sekitar 100.5.

Pasaran kini berada dalam dilema mengenai sama ada Rizab Persekutuan AS (Fed) akan melakukan pemotongan kadar faedah yang besar sebanyak 50 mata asas atau sekadar 25 mata asas.

Namun, laporan inflasi yang lebih rendah daripada jangkaan memberi isyarat bahawa Fed mungkin meneruskan dasar pelonggaran kewangan secara beransur-ansur.

Sentimen pasaran di Asia turut disokong langkah pelonggaran tidak dijangka diumumkan Kerajaan China dan Bank Rakyat China (PBoC). Antaranya termasuk pengurangan nisbah keperluan rizab sebanyak 50 mata asas, kali kedua pada tahun ini, untuk merangsang ekonomi yang lembap.

Selain itu, Kerajaan China juga merancang mengeluarkan bon berdaulat khas bernilai CNY 2 trilion (AS\$284 bilion), yang disambut baik pasaran. Sementara itu, di

Jepun, yen mengukuh selepas kemenangan tipis bekas Menteri Pertahanan, Ishiba Shigeru dalam perlumbaan kepimpinan Parti Demokratik Liberal. Ishiba, yang mengkritik langkah rangsangan kewangan sebelum ini, menyokong kenaikan kadar faedah yang dilihat berada di landasan yang betul oleh pelabur.

Walaupun ringgit mungkin berhadapan dengan pembetulan jangka pendek, prestasi kukuhnya sepanjang tahun ini mencerminkan keyakinan pasaran terhadap ekonomi Malaysia. Pelabur dijangka terus memantau perkembangan kadar faedah di Amerika Syarikat dan langkah pelonggaran di Asia bagi menilai prospek lanjut bagi mata wang ini.

Menurut AmBank, walaupun terdapat cabaran di hadapan, ringgit masih mempunyai ruang untuk mengukuh, terutama jika data ekonomi terus menunjukkan pertumbuhan yang stabil.



BERITA HARIAN
Tarikh..... 02 OCT. 2024....

Gaji rendah antara punca simpanan KWSP tidak cukup



41 peratus ^{2/10} rakyat bergantung kepada caruman sebagai sumber pendapatan utama persaraan

Oleh Mahanum Abdul Aziz
mahanum_aziz@bh.com.my

Struktur gaji yang rendah di Malaysia menjadi faktor penting di sebalik jumlah simpanan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) yang tidak mencukupi, kata Pengerusi KWSP, Tan Sri Mohd Zuki Ali.

Beliau berkata, caruman yang

tidak teratur, terutama dalam kalangan mereka yang menceburi ekonomi tidak formal atau ekonomi gig, memburukkan lagi keadaan.

Katanya, peralihan yang meningkat ke arah kerja tidak formal menyebabkan semakin kurangnya individu mendapat akses terhadap skim simpanan persaraan rasmi seperti KWSP.

"Ini ditambah lagi dengan tahap celik kewangan agak rendah dan mengehadkan pemahaman orang ramai mengenai kepentingan menabung serta perancangan persaraan," katanya pada pelancaran Bulan Literasi Kewangan 2024 yang dirasmikan Menteri Kewangan II, Datuk Seri Amir Hamzah Azizan, di Kuala Lumpur, semalam.

Mohd Zuki berkata, tinjauan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) menunjukkan

ramai pekerja bawah 40 tahun tidak aktif melakukan simpanan persaraan kerana lebih mengutamakan keperluan kewangan masa terdekat berbanding jaminan jangka panjang.

Beliau berkata, menurut Kaji Selidik Penuaan dan Persaraan Malaysia menunjukkan 26 peratus responden mengakui akan terus bekerja sehingga kesihatan mereka tidak membenarkan untuk berbuat demikian.

Tingkat kepintaran kewangan

Katanya, Strategi Literasi Kewangan Kebangsaan di bawah Jaringan Pendidikan Kewangan (FEN) melaporkan sebanyak 41 peratus rakyat Malaysia bergantung kepada simpanan KWSP mereka sebagai sumber pendapatan utama untuk persaraan.

"Setakat 30 Jun lalu, hanya 34

peratus ahli aktif KWSP di bawah usia 55 tahun menepati Kuantum Simpanan Asas, menunjukkan masih ramai tidak bersedia untuk persaraan," katanya.

Mohd Zuki berkata, ketika ini, hanya 29 peratus daripada populasi golongan berusia menerima pencen bulanan, khususnya daripada skim pencen perkhidmatan awam dan program bantuan seperti Bantuan Warga Emas.

Beliau berkata, ia menyebabkan baki penduduk tua bergantung kepada sama ada simpanan KWSP, simpanan peribadi, sokongan keluarga atau pekerjaan berterusan untuk menampung perbelanjaan hidup mereka pada hari tua.

Bulan Literasi Kewangan 2024 berlangsung sebulan dengan tema 'Bijak Wang, Hidup Sejahtera' dan ia bertujuan meningkatkan

aspek pengetahuan berkaitan serta memperkasa rakyat dengan kemahiran dan kaedah diperlukan untuk membuat keputusan yang lebih bermaklumat.

Ia menumpukan topik utama bagi meningkatkan kepintaran kewangan, termasuk pengurusan kewangan peribadi, pengurusan risiko, pengetahuan pelaburan, perancangan persaraan dan celik kewangan digital dengan penekanan yang kuat pada pencegahan penipuan.

Program perdana tahunan itu dianjurkan FEN yang merangkumi ahli termasuk Bank Negara Malaysia (BNM) Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC), Kementerian Pendidikan Malaysia, Kementerian Pengajian Tinggi, KWSP, Permodalan Nasional Bhd (PNB), Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) dan AKPK.

BERITA HARIAN
Tarikh..... 02 OCT 2024

Gaji rendah antara punca simpanan KWSP tidak mencukupi

Oleh HENDRA WINARNO
hendra.winarno@mediamula.com

PETALING JAYA: Struktur gaji rendah di Malaysia menjadi faktor utama jumlah simpanan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) yang tidak mencukupi.

Pengerusi KWSP, Tan Sri Mohd. Zuki Ali berkata, caruman yang tidak teratur, terutama dalam kalangan mereka yang menceburi ekonomi tidak formal atau ekonomi gig juga memburukkan lagi keadaan.

"Peralihan yang kian ketara ke arah kerja tidak formal telah menyebabkan semakin kurangnya individu mendapat akses terhadap skim simpanan persaraan rasmi seperti KWSP."

"Ini ditambah dengan tahap celik kewangan agak rendah dan mengehadkan pemahaman orang ramai mengenai kepentingan menabung serta perancangan persaraan," katanya dalam ucapan aluannya pada acara Bulan Celik Kewangan 2024, semalam.

Antara usaha bagi menaikkan gaji, termasuklah langkah kerajaan melaksanakan pelarasan gaji di bawah Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) yang akan menggantikan Sistem Saraan Malaysia (SSM) berkuatkuasa 1 Disember 2024.

Kerajaan juga menaikkan



SEBANYAK 41 peratus rakyat Malaysia bergantung kepada simpanan KWSP mereka sebagai sumber pendapatan utama untuk persaraan. - GAMBAR HIASAN

gaji minimum kepada RM1,500 sebulan pada 2022 daripada RM1,200 sebulan di bandar-bandar utama dan RM1,100 di bahagian lain di Malaysia pada 2020 untuk membantu menangani peningkatan kos sara hidup serta memperbaiki keadaan kewangan pekerja yang bergaji rendah.

Dalam pada itu, Mohd. Zuki berkata, Strategi Literasi Kewangan Kebangsaan di bawah Jaringan Pendidikan Kewangan (FEN) melaporkan sebanyak 41 peratus rakyat Malaysia bergantung kepada simpanan KWSP mereka sebagai sumber pendapatan utama untuk persaraan.

"Bagaimanapun, hanya 34

peratus daripada ahli aktif KWSP di bawah usia 55 tahun menepati Kuantum Simpanan Asas yang menunjukkan setakat 30 Jun 2024, masih ramai tidak bersedia untuk persaraan," katanya.

Jelasnya, setakat ini hanya 29 peratus daripada populasi golongan berusia menerima pencen

bulanan, khususnya daripada skim pencen perkhidmatan awam dan program bantuan seperti Bantuan Warga Emas.

"Ini menyaksikan baki golongan itu bergantung sama ada dengan simpanan KWSP, simpanan peribadi, sokongan keluarga atau terus bekerja bagi menampung kos sara hidup pada usia berkenaan," katanya.

Selain itu, beliau berkata tinjauan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) menunjukkan ramai pekerja bawah 40 tahun tidak aktif melakukan simpanan persaraan kerana lebih mengutamakan keperluan kewangan masa terdekat berbanding jaminan jangka panjang.

Hasil dapatan Tinjauan Penilaian dan Persaraan Malaysia menunjukkan 26 peratus responden mengakui akan terus bekerja sehingga kesihatan mereka tidak membenarkan untuk berbuat demikian, katanya.

Sehubungan itu, Mohd. Zuki berkata, literasi kewangan menjadi kunci bagi usaha, termasuk membantu individu membuat keputusan kewangan jangka panjang untuk persaraan.

"Bagi menyokong aspek itu, KWSP meluaskan lagi jangkauannya dengan menyediakan mekanisme, pendidikan serta bimbingan untuk membina masa depan yang terjamin," katanya.

UTUSAN MALAYSIA

Tarikh: 02 OCT 2024

Had siling gaji caruman Perkeso kini RM6,000, faedah lebih baik

UM
2/10

PETALING JAYA: Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) menguatkuasakan had siling gaji baharu bagi caruman daripada RM5,000 kepada RM6,000 sebulan bermula semalam.

Menurut kenyataan dikeluarkan Perkeso, semua pekerja yang diambil bekerja di bawah suatu kontrak perkhidmatan atau perantisan hendaklah didaftar dan dicarumkan kepada pertubuhan tertakluk kepada had siling berasaskan gaji pekerja sebanyak RM6,000 sebulan bagi Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 dan Akta Sistem Insurans Pekerjaan 2017.

Penguatkuasaan itu dilaksanakan susulan pindaan Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 (Akta 4) dan Akta Sistem Insurans Pekerjaan 2017 (Akta 800).

"Mulai 1 Oktober ini, amaun caruman yang akan terpakai bagi pekerja bergaji melebihi RM5,000 dan RM6,000 sebulan adalah seperti dinyatakan dalam Jadual Ketiga, Akta 4 serta Jadual Kedua, Akta 800.

"Langkah meningkatkan siling gaji ini dapat memberi manfaat lebih baik kepada pekerja yang berskala gaji melebihi RM5,000 menerusi peningkatan kadar bayaran faedah sedia

ada sehingga 20.2 peratus," kata kenyataan itu.

Faedah itu termasuk Faedah Hilang Upaya Sementara, Faedah Hilang Upaya Kekal, Faedah Orang Tanggungan, Pencen Ilat dan Penakat di bawah Akta 4 serta Elaun Mencari Pekerjaan, Elaun Pendapatan Berkurangan dan Elaun Bekerja Semula Awal di bawah Akta 800.

"Dianggarkan 1.5 juta pekerja atau hampir 15.5 peratus daripada keseluruhan pencarum di seluruh negara terbabit dalam peningkatan siling gaji ini yang merangkumi pekerja tempatan dan asing," katanya.

UTUSAN MALAYSIA

Tarikh:02...OCT...2024

Ringgit mampu capai RM3.95 dalam bulan ini

um
7/10

PETALING JAYA: Ringgit dijangka mampu mencapai paras RM3.95 berbanding dolar Amerika Syarikat (AS) dalam masa dua minggu akan datang, jika tiada perlakuan atau faktor luaran yang mengganggu gugat.

Pengarah Pusat Pengurusan Penyelidikan Universiti Kewangan Islam Global (Inceif), Prof. Madya Dr. Baharom Abdul Hamid berkata, ini berdasarkan pergerakan semasa yang menunjukkan petanda positif bagi pengukuhan tersebut.

Katanya, tindakan Rizab Persekutuan (Fed) AS yang menurunkan kadar faedah sebanyak 50 mata asas menjadi pendorong utama kepada pengukuhan ini,

sekali gus membuktikan penentu kadar pertukaran mata wang tradisional iaitu kadar faedah, masih memainkan peranan utama.

"Pada masa yang sama, tindakan Bank Negara Malaysia (BNM) mengekalkan Kadar Dasar Semalam (OPR) juga membantu pengukuhan mata wang negara.

"BNM tidak terlalu mengikut sentimen, tetapi memikirkan kebajikan rakyat, kadar inflasi dan sebagainya berjaya memberi impak positif dalaman," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini, semalam.

Pada pukul 9 pagi semalam, ringgit dibuka pada 4.1500/1620 berbanding dolar AS daripada

4.1190/1250 pada akhir urus niaga Isnin.

Mata wang tempatan kemudian ditutup pada 4.1680/1750 berbanding dolar AS.

Sementara itu, Baharom berkata, pergerakan Malaysia yang bakal menjadi Pengerusi ASEAN, dan ahli bersekutu BRICS juga sedikit sebanyak memberi indikator dan tekanan positif, iaitu ia bakal mengurangkan kebergantungan kepada dolar AS.

"Sudah ada tanda-tanda diluar BRICS pun, pertukaran mata wang diaktifkan kembali oleh Malaysia dan Indonesia," ujarnya.

Dalam pada itu, beliau berkata, tatkala menarik nafas lega

dengan pengukuhan ringgit, ia juga seharusnya memberi sedikit kebimbangan kepada Malaysia.

"Sebagai negara membangun, menuju negara berpendapatan tinggi, kita masih lagi rapuh dari segi asas. Pergerakan mata wang kita masih terbuka dan dipengaruhi kadar faedah ekonomi besar.

"Harus diingat, apresiasi ringgit juga ada kesan sampingan iaitu komoditi kita menjadi mahal dan akan sedikit sebanyak menjejaskan eksport negara," jelasnya.

Dalam pada itu, laporan AmBank (M) Bhd. turut menegaskan ringgit dalam prestasi yang memberangsangkan, menjadi

mata wang terbaik di rantau Asia dengan pulangan hampir 12 peratus setakat ini tahun ini.

Peningkatan itu disokong oleh sentimen pasaran yang positif dan mod risiko tinggi, selain kesan daripada jurang kadar faedah yang semakin mengecil antara OPR BNM dan Kadar Dana Persekutuan (FFR) AS.

"Walaupun inflasi di Malaysia minggu lalu berada di bawah jangkaan, memberi ruang kepada spekulasi bahawa BNM mungkin mempertimbangkan penurunan OPR, ekonomi Malaysia masih menunjukkan pertumbuhan yang kukuh. Ini mengurangkan tekanan terhadap bank pusat untuk bertindak segera," katanya.

UTUSAN MALAYSIA
Tarikh: 02 OCT 2024

Akta 852: Orang ramai tidak tahu larangan jual rokok terbuka

Dari muka 1

Seorang pekerja di sebuah rangkaian kedai runcit di George Town, Amelia Hassan berkata, dia tidak tahu mengenai penguatkuasaan akta tersebut.

"Tiada siapa yang maklumkan kepada kami produk rokok tidak boleh dipamerkan secara terbuka mulai hari ini. Selalunya, akan ada petugas Kementerian Kesihatan (KKM) datang dan maklumkan kepada kami. Namun, tiada siapa yang maklumkan mengenai Akta 852 kepada kami," katanya kepada Utusan Malaysia semalam.

Kenyataan sama disuarakan oleh pekerja runcit di Shah Alam, dikenali sebagai Ali, 30, yang memberitahu, dia tidak mengetahui larangan tersebut serta penguatkuasaan akta berkenaan, namun bersedia untuk mematuhi jika diarahkan oleh majikan.

"Majikan tidak beri arahan kepada saya supaya jangan letak rokok atas rak jualan. Kalau ada arahan, saya pasti letakkan rokok di tempat yang majikan suruh," katanya.

Seorang lagi peniaga, Ahmad Shah, 50, pula berkata, dia memerlukan masa untuk memindahkan rokok-rokok yang dijual ke tempat lain.

"Semalam saya kena jumpa pembekal kerana ada masalah stok barang. Tetapi, saya tetap akan alihkan rokok di tempat lain seperti yang kerajaan minta," katanya.

Di Johor Bahru pula, tinjauan yang dibuat mendapati, pasar raya, kedai runcit dan stesen minyak masih menjual rokok secara terbuka dengan alasan tidak tahu penguatkuasaan Akta 852 dan pekerja di kaunter memberitahu, mereka hanya mengikut arahan daripada pihak atasan atau pemilik premis.

Sementara itu, Setiausaha



PENJUALAN rokok secara terbuka masih berlaku walaupun kerajaan menetapkan mulai 1 Oktober, semua premis perniagaan tidak dibenarkan meletakkan rokok di rak-rak terbuka. - UTUSAN/RAJA JAAFAR ALI

Agung Dewan Perniagaan Vape Malaysia (DPVM), Ridhwan Rosli mengakui tidak mudah untuk mengubah normalisasi dalam perniagaan selepas ia beroperasi selama berdekad.

Bagaimanapun katanya, tidak mustahil untuk industri berubah ke arah yang lebih baik dengan mematuhi Akta 852 tetapi ia memerlukan sokongan dan dorongan daripada pihak kerajaan.

"Kami sangat-sangat menyuruh semua pihak mengambil pendekatan proaktif iaitu dalam tempoh enam bulan ke satu tahun ini, kita cuba buat yang terbaik dan mengikut peraturan-peraturan Akta 852.

"Ini kerana, sekiranya kita melanggar akta tersebut, ia akan memberi kesan yang buruk kepada industri secara keseluruhan. Satu perniagaan buat salah, tetapi orang ramai akan anggap satu industri vape bersalah. Salah satu peraturan yang DPVM sendiri dan industri secara majoriti setuju adalah, kami tidak mahu penyalahgunaan vape oleh kanak-kanak," katanya kepada

Utusan Malaysia.

Dalam pada itu, pakar perubahan kesihatan awam, Datuk Dr. Zainal Ariffin Omar berkata, orang awam perlu membuat laporan terhadap perokok dan penghisap rokok elektronik atau vape yang melanggar peraturan dalam Akta 852.

"Kita harap kerajaan menguatkuasakan Akta 852 ini secara menyeluruh di lapangan iaitu di kedai-kedai makan mahupun kawasan awam. Tidak guna sekiranya kita ada peraturan itu tetapi pelaksanaannya lemah.

"Orang awam juga perlu memberi kerjasama yang baik terhadap penguat kuasa, sekiranya melihat ada yang melanggar Akta 852 maka terus lapor supaya tindakan dapat diambil," katanya.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad sebelum ini mengumumkan Akta 852 akan dikuatkuasakan mulai semalam merangkumi peraturan pendaftaran, penjualan, pembungkusan, pelabelan dan larangan merokok di tempat awam.

UTUSAN MALAYSIA

Tarikh: 02 OCT 2024

48 410 'Inadequate EPF savings due to low wages'

KUALA LUMPUR: Malaysia's low wage structure is a significant factor behind inadequate Employees Provident Fund (EPF) savings.

EPF chairman Tan Sri Mohd Zuki Ali said irregular contributions, particularly among those in informal or gig economy jobs, had exacerbated the situation.

"The growing shift towards informal work has led to fewer individuals accessing formal retirement savings schemes such as EPF," he said in his welcoming remarks for Financial Literacy Month 2024.

"Compounding this is the relatively low level of financial literacy, which limits people's understanding of the importance of saving and retirement planning."

It was reported that the government had stepped up efforts to improve wages following the implementation of the Public Service Remuneration System (SSPA), which will replace the Malaysian Remuneration System effective Dec 1 this year.

Under SSPA, there will be a 15

per cent salary adjustment for civil servants in the implementing, management and professional groups, and seven per cent for those in top management.

Previously, the government raised the minimum wage to RM1,500 per month in 2022 from RM1,200 per month in major cities and RM1,100 in other parts of the country in 2020 to address the rising cost of living and improve the financial situation of low-wage workers.

Zuki said the Financial Education Network's National Strategy for Financial Literacy had reported that 41 per cent of Malaysians relied on EPF savings as their primary retirement income.

However, only 34 per cent of active members under 55 have met what is called the Basics Savings Quantum, indicating that many remained unprepared for retirement up to June 30 this year.

He said currently, only 29 per cent of the elderly population receives a monthly pension, primarily from the Civil Service Pension Scheme and assistance pro-

grammes like Bantuan Warga Emas.

"This leaves the remaining elderly population dependent on either EPF savings, personal savings, family support, or continued employment to meet their living expenses in old age."

He added that a Credit Counselling and Debt Management Agency (AKPK) survey revealed that many workers under 40 were not actively saving for retirement as they tend to prioritise immediate financial needs over long-term security.

Consequently, according to the Malaysia Ageing and Retirement Survey, 26 per cent of respondents said they expected to continue working until their health no longer permits them to do so, he said.

Hence, he said, financial literacy was key to advocacy efforts, helping individuals make informed, long-term financial decisions for retirement.

"To support this, EPF has expanded its reach, providing tools, education and guidance to build a secure future." **Bernama**

NEW STRAITS TIMES
Tarikh: 02 OCT 2024

LOW FINANCIAL LITERACY

53,000 UNDER 30 CHALK UP RM1.9B DEBT

28pc of working adults borrow money to buy essential goods, says minister

KUALA LUMPUR

THE Credit Counselling and Debt Management Agency (AKPK) reports that 53,000 individuals under 30 are burdened by nearly RM1.9 billion in cumulative debt.

Finance Minister II Datuk Seri Amir Hamzah Azizan said AKPK also found that 28 per cent of Malaysian working adults have borrowed money to purchase essential goods.

"The growing accessibility of personal loans, credit cards, and especially 'Buy Now, Pay Later' schemes, are all particularly worrying, especially among young adults.

"While these tools may offer convenience, a lack of understanding of their implications and a lack of discipline in managing commitments can quickly lead to unmanageable debt," he said during the opening remarks for Financial Literacy Month 2024.

According to the Organisation for Economic Cooperation and Development financial literacy survey, Amir Hamzah said, only 36 per cent of Malaysians understood basic financial concepts such as interest rates, inflation and risk diversification.

This figure falls below the global average of 42 per cent, positioning Malaysia 26th out of 39

countries surveyed.

The low level of financial literacy was concerning, particularly given Malaysia's high household debt, he added.

Amir Hamzah said up to last year, household debt reached RM1.53 trillion, equivalent to 84.2 per cent of gross domestic product, one of the highest ratios in the region.

"This alarming figure indicates that households are increasingly relying on credit to finance their lifestyles and investments.

"If not carefully managed, such levels of debt can lead to long-

term financial strain, reinforcing the critical role that financial literacy plays in safeguarding financial health."

Amir Hamzah also said financial literacy was fundamental to the economic empowerment and financial wellbeing of all Malaysians, making it a central pillar of the Madani Economic Framework.

"The government, through the Financial Education Network, has prioritised financial literacy as a core element of its policy agenda under the National Strategy for Financial

Literacy 2019-2023.

"This strategy aims to develop responsible financial habits, enhance financial planning and build financial resilience among Malaysians."

Amir Hamzah said achieving financial literacy required coordinated nationwide collaboration between the government, educational institutions, financial institutions and civil society.

"Only through collective action can we make lasting progress in equipping Malaysians with the financial knowledge they need."

Bernama



Finance Minister II Datuk Seri Amir Hamzah Azizan says household debt has reached RM1.53 trillion, equivalent to 84.2 per cent of gross domestic product, one of the highest ratios in the region. **BERNAMA** PIC

NEW STRAITS TIMES
Tarih: 02 OCT 2024

FROM RM5,000 TO RM6,000

Hst 2/10

Salary ceiling for Perkeso contributions revised

KUALA LUMPUR: The Social Security Organisation (Perkeso) yesterday enforced a new salary ceiling for contribution purposes from RM5,000 to RM6,000.

Perkeso said this enforcement follows amendments to the Workers' Social Security Act 1969 (Act 4) and the Employment Insurance System Act 2017 (Act 800).

"The move will provide better benefits to employees earning more than RM5,000, with an increase in the benefit payment rate of up to 20.2 per cent."

Starting from yesterday, the contribution amount for employees earning more than RM5,000 per month will apply as stated in the Third Schedule of Act 4 and

the Second Schedule of Act 800," Perkeso said in a statement.

It said 1.5 million workers will be affected by this salary ceiling increase, including local and foreign workers.

Perkeso said benefits include Temporary Disablement Benefit, Permanent Disablement Benefit, Dependants' Benefit, Invalidity

Pension and Survivors' Pension under Act 4, as well as the Employment Search Allowance, Reduced Income Allowance and Early Re-employment Allowance under Act 800.

It said contribution payments, starting from yesterday, must be made by employers according to the new salary ceiling limit.

NEW STRAITS TIMES
Tarikh:0-2...OCT...2024...